

18 JUN 1999

Abdullah-Umno (Anwar)

PENJELASAN PM MENGENAI ANWAR BERI KESAN MENDALAM PADA RAKYAT

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Penjelasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai tindakannya memecat bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, akan memberi kesan yang besar kepada rakyat yang selama ini belum mendapat penjelasan penuh mengenai isu itu, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, telah memberikan satu penerangan yang begitu jelas, tegas dan berani mengenai satu isu yang dianggap besar bagi rakyat dalam ucapannya pada perasmian Perhimpunan Agung Umno, di sini, hari ini.

"Saya percaya penjelasan yang diberi itu akan dapat melahirkan pemahaman kepada rakyat mengenai apa yang sebenarnya berlaku," kata Abdullah, yang juga Naib Presiden Umno, kepada pemberita selepas perasmian perhimpunan itu.

Abdullah yang menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden parti berkata ini merupakan kali pertama Dr Mahathir memberikan penerangan yang terperinci tentang apa yang sebenarnya berlaku.

"Selama ini ada juga kenyataan -kenyataan yang beliau buat (mengenai Anwar), tetapi hari ini beliau membuat satu penjelasan yang begitu tersusun dengan segala fakta dan sebab musabab mengapa tindakan telah diambil terhadap Datuk Seri Anwar," katanya.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata beliau tidak pernah berkonspirasi untuk menyingkirkan Anwar menerusi tuduhan bahawa bekas timbalannya itu melakukan seks di luar tabii.

Perdana Menteri berkata sebaliknya Anwar mengambil kesempatan daripada kegawatan ekonomi untuk berusaha menjatuhkan beliau dengan cara merumitkan lagi krisis ekonomi negara dan melaksanakan apa yang dipanggil media asing "virtual IMF" (Tabung Kewangan Antarabangsa maya).

Abdullah berkata selama ini, rakyat hanya mendengar penjelasan daripada satu pihak sahaja iaitu Anwar tetapi hari ini mereka mendapat penjelasan yang menyeluruh daripada Dr Mahathir sendiri.

Ucapan Dr Mahathir itu disiarkan secara langsung menerusi televisyen.

Abdullah berkata Dr Mahathir terpaksa memberi penjelasan itu kerana masih ada pihak-pihak yang mempersoalkan keputusan Perdana Menteri untuk memecat Anwar.

"Memandangkan banyak soalan yang dibangkitkan, beliau memutuskan untuk memberi penjelasan sepenuhnya," katanya.

Anwar dilucut dari jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 2 September lepas dan dipecat dari Umno sehari kemudian.

Anwar kini menjalani hukuman penjara enam tahun setelah didapati bersalah atas empat pertuduhan rasuah menyalahgunakan kuasa ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Anwar juga sedang menghadapi tuduhan meliwat Azizan Abu Bakar bersama-sama adik angkatnya Sukma Darmawan Sasmitaat Madja.

--BERNAMA

ES NAK